

5-2-2026

"Tolong jimat guna air pada musim kering, turut diguna untuk pengairan padi di Kedah, Pulau Pinang' - PBAPP



BUTTERWORTH: Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) menggesa pengguna menggunakan air secara berhemah berikutan taburan hujan yang amat rendah dan pengambilan air berskala besar dari Sungai Muda bagi menyokong aktiviti penanaman padi di Kedah serta Pulau Pinang.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk K Pathmanathan, berkata jumlah hujan bulan lalu berada pada paras kritikal rendah, dengan hanya 17.5 milimeter (mm) direkodkan di kawasan tadahan air Empangan Air Itam dan 5.5mm di Teluk Bahang.

Beliau berkata, pada masa sama, paras Sungai Muda di Loji Pengambilan Lahar Tiang, Seberang Perai Utara, jatuh di bawah paras selamat dua meter selama 19 hari berturut-turut pada Januari dan kekal di bawah paras itu dari Sabtu hingga semalam.

"Keadaan ini menjejaskan keupayaan kami untuk mengambil jumlah air mentah yang optimum pada hari tertentu," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Loji Rawatan Air Sungai Dua (LRA), yang membekalkan kira-kira 85 peratus air terawat di Pulau Pinang, sangat bergantung kepada Sungai Muda.

Keadaan itu diburukkan lagi dengan pengambilan air berskala besar bagi tujuan pengairan sejak 19 Januari lalu.

Di Kedah, paras Empangan Beris menurun daripada 99 peratus pada 1 Januari kepada 86.35 peratus semalam, manakala paras Empangan Muda merosot dengan ketara daripada 84.64 peratus kepada 41.7 peratus bagi tempoh sama.

Pathmanathan berkata, PBAPP juga mematuhi arahan Badan Kawal Selia Air Pulau Pinang (BKSA) bagi memastikan aliran air hiliran yang mencukupi untuk pengairan di Pulau Pinang.

"Bagi melindungi bekalan air, PBAPP melaksanakan pengambilan strategik dari Empangan Mengkuang Diperluas (EMD), dengan mengehendkan pengurangan kapasiti efektif kepada hanya 1.9 peratus iaitu daripada 92.8 peratus pada 1 Januari kepada 90.9 peratus pada 31 Januari lalu.

"Pada masa sama, PBAPP mengaktifkan program Double Dam Defence Pulau Pinang (D3PI), dengan mengepam purata 407 juta liter sehari daripada LRA Sungai Dua bagi mengurangkan kebergantungan kepada empangan Air Itam dan Teluk Bahang.

"Menerusi program ini, beberapa kawasan perumahan di pulau kini menerima bekalan air terawat daripada pelbagai sumber, sekali gus meningkatkan daya tahan bekalan.

"Pengambilan air daripada kedua-dua empangan di pulau itu juga diminimumkan bagi memelihara rizab air susulan ketidakpastian hujan yang dikaitkan dengan perubahan iklim," katanya.

Setakat semalam, Pathmanathan berkata, tiada ancaman segera terhadap krisis bekalan air kerana paras empangan masih berada pada tahap agak baik.

Bagaimanapun, beliau berkata, tempoh musim kering masih tidak menentu dan menggesa pengguna terus mengamalkan penjimatan air.